



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU TUNAS SUPER: SUPER ROBOTIK

Penulis Tunas Super adalah satu program penulisan yang mengetengahkan bakat menulis dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Program ini sebagai satu dorongan dan *platform* untuk pelajar menjadi penulis muda. Seperti penulis muda ini, Ahmad Nabil Musyiri, 13 tahun, adalah Alumni Penulis Tunas Super. Karya pertama beliau ialah BOT: Robot Dalam Poket. Walaupun beliau aktif dalam bidang kurikulum, ini tidak menghalang minat beliau dalam bidang penulisan bagi menghasilkan karya kedua berjudul Tunas Super: Super Robotik.

Karya-karya beliau sudah memaparkan bahawa beliau begitu meminati dalam bidang robotik. Kelainan karya kedua beliau ini bukan sahaja diselitkan ilmu robotik, namun, turut diselitkan elemen pengajaran serta dorongan kepada pembaca. Antara pengajaran yang diperoleh adalah tidak mudah berputus asa dan mudah mengalah dalam sesuatu perjuangan.

Tambahan pula, jalan cerita yang ditonjolkan menarik dan tidak membosankan pembaca. Ini bermakna, penulis bukan sahaja menyampaikan mesej yang jelas, malah, menjadikan karyanya mampu menarik emosi pembaca. Di akhir pembacaan, pelbagai elemen emosi yang diselitkan dalam buku ini seperti suspens, kecewa, kasih sayang, dan banyak lagi.

Ternyata, misi Program Penulis Tunas Super melahirkan novelis muda yang berbakat. Layari <http://tunassuper.my> untuk maklumat lanjut.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI
Publicist
PTS Media Group Sdn. Bhd.
H/P: 016-661 1974
E-mel: awatif@pts.com.my